

13 SEP 1998

PEMUDA TERENGGANU MAHU ZAHID BERUNDUR DENGAN SENDIRI

KUALA TERENGGANU, 13 Sept (Bernama) -- Pemuda UMNO Terengganu hari ini meminta ketua pergerakan itu Datuk Ahmad Zahid Hamidi supaya berundur daripada jawatannya dengan sendiri dan tidak menyerahkan nasibnya untuk ditentukan oleh Majlis Tertinggi (MT).

Ketua Pemuda UMNO Terengganu Abd Rahin Mohd Said berkata, pergerakan pemuda negeri telah mengadakan mesyuaratnya baru-baru ini dan berpendapat tindak-tanduk Ketua Pemuda itu yang ternyata menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, membelakangkan kepentingan parti.

"Ahmad Zahid sepatutnya memikirkan perjuangan dalam pergerakan pemuda sendiri dan tidak sepatutnya berada bersama-sama bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menjalankan reformasinya," kata beliau ketika dihubungi di sini, hari ini.

Abdul Rahin berkata anggota pemuda UMNO juga tidak sepatutnya menyokong reformasi yang dilancarkan oleh Anwar kerana dalam UMNO sendiri reformasi seperti yang dinyatakan Anwar telah lama berlaku.

Semalam semasa melawat kawasan khas untuk penaja Sukan Komanwel XVI di Bukit Jalil, Dr Mahathir berkata Ahmad Zahid sepatutnya berundur sendiri daripada jawatan Ketua Pemuda UMNO dan tidak menyerahkan nasibnya untuk ditentukan oleh MT.

Menurut Dr Mahathir, "Dia tahu kalau serah (keputusan itu) kepada MT, kemungkinannya dia dipecat...jadi dia hendak guna itu sebagai alasan untuk menyalahkan MT. Strategi dia sama dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim".

Kebanyakan pemimpin pergerakan pemuda itu mahukan Ahmad Zahid melepaskan jawatannya kerana didapati tindak-tanduk beliau (Ahmad Zahid) berpihak kepada Anwar yang dipecat atas alasan terbabit dalam tatalaku tidak bermoral, rasuah dan mengkhianati negara.

-- BERNAMA

SBS PR